**SOALAN NO : 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]** |
| **TARIKH** | **:** | **4 NOVEMBER 2020 (RABU)** |

## SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan peratusan kawasan hutan terbaru di Malaysia. Apakah sasaran Malaysia untuk mengekalkan lebih 50% daripada jumlah keluasan negara di bawah liputan hutan telah dimasukkan ke dalam Dasar Perhutanan Negara yang tengah melalui kajian semula.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa komited dalam usaha memelihara khazanah hutan negara dan memastikan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan dicapai. Sehingga tahun 2018, Malaysia mempunyai kawasan berhutan seluas 18,273,486.65 hektar atau 55.3% daripada keluasan tanah negara (33,034,500 hektar). Komitmen ini juga telah dimasukkan dalam Dasar Perhutanan Negara yang sedang dalam proses kajian semula.

Sekian, terima kasih.